

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 11 OGOS 2022

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 28

ECERDC tarik pelaburan RM13 bilion, jana 7,000 pekerjaan

ECERDC tarik pelaburan RM13 bilion, jana 7,000 pekerjaan

KUALA LUMPUR - Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) berjaya menarik pelaburan komited dianggarkan bernilai RM13 bilion dan kira-kira 7,000 peluang pekerjaan baharu di Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) setakat Julai lalu.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Eddin Syazlee Shith berkata, pelbagai promosi turut dirancang bagi menggalakkan kerjasama dengan kerajaan tempatan bagi memenuhi sasaran tahunan tahun ini iaitu RM14 bilion bagi pelaburan komited dan 10,000 peluang pekerjaan.

"ECERDC telah menjalankan promosi pelaburan secara agresif menerusi misi pelaburan ke Korea dan Jerman serta pelaksanaan sesi taklimat dan webinar bersama pelabur-pelabur berpotensi.

"Selain itu, kerjasama rapat melalui libat urus dengan kerajaan negeri, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), kedutaan, Petronas dan dewan-dewan perniagaan turut dijalankan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengulung perbahasan Rang Undang-Undang Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (Pindaan) 2022 di Dewan Negara pada Rabu.

Eddin Syazlee berkata, Pakej Insentif ECER dan Pakej Insentif Cukai Khas Kelantan juga terbukti telah menjadikan ECER sebagai antara destinasi pelaburan asing serta tempatan. - *Bernama*